



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

RABU, 28 APRIL 2021

1	Harga barangan basah terkawal
2	Bekalan ayam, daging mencukupi
3	Merapi bulu kucing perlu teliti

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28.04.2021	UTUSAN MALAYSIA	FORUM	19



KPDNHEP sentiasa memantau harga barangan basah agar terkawal terutama pada musim perayaan.

Harga barangan basah terkawal

SAUDARA PENGARANG,

MERUJUK forum bertajuk Fenomena asal raya, harga daging, ayam naik yang disiarkan dalam ruangan Forum Utusan Malaysia pada 27 April lalu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjelaskan bahawa dalam sistem ekonomi terbuka, harga barangan termasuk makanan basah dipengaruhi oleh permintaan dan bekalan, tidak semestinya menjelang Hari Raya Aidilfitri sahaja.

Harga akan naik jika permintaan tinggi tetapi bekalan tidak dapat memenuhi permintaan.

Permintaan dan bekalan bukanlah sahaja faktor yang mempengaruhi harga. Faktor seperti iklim dan cuaca, harga makanan ternakan, kos pengangkutan serta pandemik juga mempengaruhi keseluruhan harga.

Sikap segelintir peniaga, pembekal dan pengeluar yang mengambil kesempatan turut menjadi faktor kenaikan harga. Berdasarkan data dari Penternak Ayam Utama Malaysia, bekalan ayam untuk rakyat sangat mencukupi dan tidak memerlukan pengimportan dari negara luar. Malah, ayam hidup keluaran negara di eksport ke Singapura. Begitu juga dengan telur ayam keluaran ladang-ladang di Malaysia.

Harga ayam sangat stabil ketika perayaan Tahun Baru Cina pada bulan Februari lalu. Ketika itu, ayam standard dijual pada harga RM7.50 sekilo, sama dengan harga pada tahun 2019 dan 2020.

Bahagian Penguat Kuasa dan Bahagian Harga Barangan Negara KPDNHEP mula mengesan kenaikan harga ayam standard pada akhir bulan Mac lalu terutama di pasar raya dan pasar raya besar. Harga ayam standard ketika itu mencecah RM9 per kilogram (kg) dan ada yang telah mencecah RM10 per kg di setengah tempat terpencil.



Permintaan dan bekalan bukanlah sahaja faktor yang mempengaruhi harga. Faktor seperti iklim dan cuaca, harga makanan ternakan, kos pengangkutan dan pandemik juga mempengaruhi keseluruhan harga."

KPDNHEP mempercepatkan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) untuk Hari Raya Puasa 2021 (HRP 2021) yang melibatkan ayam dan sebelas barangan lain yang menampakkan tanda-tanda kenaikan. SHMM HRP2021 akan bermula pada 21 April dan berakhir pada 20 Mei ini.

Sementara barangan utama keperluan Hari Raya Puasa yang lain seperti barang kering dan sayur-sayuran yang belum menerima tekanan dan kesan dari sudut permintaan dan harga, akan dipertimbangkan untuk dimasukkan dalam senarai SHMMP menjelang hari raya.

Skim Harga Maksimum Musim Perayaan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 (AKHAP 2011) diperkenalkan bagi mengawal kenaikan harga yang tidak munasabah semasa musim perayaan dan secara tidak langsung mendatangkan manfaat kepada pengguna.

YUNUS TASIM
Ketua Komunikasi Korporat KPDNHEP

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28.04.2021	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI	25

Bekalan ayam, daging mencukupi

Pengguna dinasihat tidak lakukan pembelian panik

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI

KLANG

Bekalan bahan mentah terutama ayam dan daging bagi negeri Selangor dijangka mencukupi ketika sambutan Aidilfitri ini.

Exco Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal Selangor, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, masyarakat tidak perlu khuatir mengenai kekurangan barangan tersebut.

"Jangan sesekali lakukan pembelian panik, beli seperti biasa," katanya ketika melakukan tinjauan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di Pasar Besar Meru di sini pada



Mohd Zawawi (tengah) bersama pegawai KPDNHEP ketika menjalankan tinjauan SHMMP 2021 di Pasar Besar Meru pada Selasa.

Selasa.

Mengulas mengenai tinjauan yang dijalankan di pasar itu katanya, rata-rata peniaga mematuhi kadar harga yang ditetapkan.

"Ini sikap terbaik yang ditunjukkan oleh peniaga sekali gus ia membantu pengguna terutamanya golongan kurang berkemampuan membeli barangan dengan harga berpatutan," katanya.

Menurutnya, pihaknya akan

terus menjalankan pemantauan agar barangan yang dijual tidak melampaui harga ditetapkan.

"Harga maksimum ini ditetapkan supaya ia tidak dijual dengan harga yang mahal sekali gus membebaskan pengguna. Kalau peniaga dapat jual murah dari harga yang ditetapkan itu sudah bagus," katanya.

Sebelum ini, KPDNHEP mengenal pasti sebanyak 12 jenis barangan bagi pelaksanaan SHMMP 2021.

28.04.2021

HARIAN METRO

KUBELA

37

Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@hmetro.com.my

Aksi viral kucing yang begitu tenang dan tidak meragam ketika menjalani proses 'trimming' atau pemotongan bulu, membuatkan penulis tertarik untuk melihat sendiri prosedur itu. Ia dijalankan di CatZonia, Bandar Baru Bangi, Selangor baru-baru ini.

Kelelah seekor kucing parsi putih dipanggil 'Adik' tidak banyak ragam seawal proses ia dimandikan sehinggalah kepada kerja-kerja kemas bulu dijalankan.

Menurut pengurus cawangan berkenaan, Nur Asyikin Abdullah, tidak semua kucing boleh bertenang melalui proses itu dan keadaan bergantung pada 'mood' kucing ketika itu.

"Lain kucing, lain ragamnya dan tidak semua kucing boleh bersikap seperti 'Adik' (kucing parsi putih) yang boleh duduk diam dan rela bulunya dipotong. Ada yang mendesir, tidak kurang juga akan lari daripada stesen 'trimming' dan paling kemuncak ialah mencakar."

"Penting bagi pengendali yang melakukan kerja merapi bulu kenal pasti keadaan kucing dan lakukan rutin pembersihan asas seperti cuci telinga serta pemotongan kuku dahulu."

"Ini akan membantu melancarkan kerja-kerja memotong bulu kucing terutama baka panjang seperti Maincoon dan kucing parsi. Selalunya baka kucing bulu panjang ini menghadapi masalah bulu bergumpal dan gugur."

"Bagi mengelak daripada prosedur ekstrem seperti gaya pemotongan 'lion cut', kita meminimumkan pembuangan bulu menerusi kerja merapi bulu seluruh badan," katanya.

Tambah Nur Asyikin lagi, punca masalah bulu kucing bergumpal kerana air liur kucing itu sendiri. Kucing terabit tidak habis menjilat bulu sendiri menyebabkan sesetengah bahagian badan bergumpal teruk.

"Bulu biasanya bergumpal apabila kucing itu tidak habis-habis menjilat. Mungkin sukar capai tempat atau sudut bulu itu berada seperti di belakang kaki atau punggung."

"Faktor lain juga ialah pemilik kurang lakukan atau hantar kucing mereka menjalani rawatan merias di pusat penjagaan haiwan. Ditambah pula pemilik tidak jalankan rutin seperti menyikat bulu haiwan kesayangan setiap hari atau dua hari sekali."

BAHAGIAN bawah adalah tempat yang kerap bulu kucing bergumpal kerana susah dicapai ketika menjilat.

MERAPI BULU KUCING PERLU TELITI

Kenal pasti keadaan kucing, buat rutin pembersihan asas dahulu sebelum proses 'trimming'

"Kucing ini ada had tertentu kemampuan mereka membersihkan diri dan bagi pemilik disarankan menjalankan rutin kemas bulu ini sebaik usia kucing masing-masing mencecah enam bulan dan ke atas," katanya.

Kerja-kerja kemas itu boleh juga dilakukan pada kucing bulu sederhana panjang seperti 'Scottish Short Hair' atau kucing siam memabitkan bahagian tertentu seperti bawah badan, belakang dan juga tapak kaki.

"Kucing bulu sederhana panjang biasanya tidak perlu lakukan kemas bulu dan hanya cukup lakukan pemotongan di bahagian tapak kaki dan punggung."

"Tetapi bagi kucing berbulu panjang prosesnya lebih rumit iaitu keseluruhan badan. Diingatkal kalau lakukan kemas pada tapak atau belakang kaki terutama bahagian kuku kena

teliti. Saya perasan kucing sangat sensitif apabila kerja pemotongan dilakukan pada bahagian terbitik," katanya.

Kebalikan selepas kerja merapi bulu kucing dilakukan ialah haiwan itu lebih aktif dan selesa selain menyelesaikan masalah bulu gumpal serta gugur.

"Saya selalu lihat selepas

kerja merapi dilakukan memabitkan bulu panjang terutama tapak kaki, kucing ini lebih aktif dan ceria. Kucing lebih selesa untuk bermain dan bulu tampak kemas serta cantik."

"Kami sarankan apabila dibawa balik, tuannya boleh lakukan kerja menyikat untuk bantu kucing mereka

memiliki bulu yang gebu dan kulit sihat," katanya.

Teknik memujuk dikongsikan Nur Asyikin dalam membantu kucing lebih relaks ialah pengendali kerja merapi itu sendiri kena bertenang dan lakukan kerja memujuk dengan cara mengusap kepala atau bawah dagu.

FOTO: ASSUPION KARU



CUCI telinga antara kerja awal sebelum merapi bulu.



MURUTAN pada leher dan dagu menenangkan kucing sebelum kerja merapi.



POTONG kuku antara rutin awal bantu untuk memudahkan kerja merapi bulu.

KUCING lebih selesa apabila bulu dirapi.

Kucing ini ada had tertentu kemampuan mereka membersihkan diri dan bagi pemilik disarankan menjalankan rutin kemas bulu ini sebaik usia kucing masing-masing mencecah enam bulan dan ke atas

NUR ASYIKIN